# Program Jualan Murah Keluarga Malaysia mulai 19 Ogos - Annuar

Bernama
Ogos 5, 2022 09:00 MYT



ANNUAR: Ada lima atau enam barangan yang mereka telah berikan indikasi harga kepada jawatankuasa dengan kesemua barangan itu dijamin akan dijual antara 10 ke 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. -Gambar fail/Bernama

KUALA LUMPUR: Program Jualan Murah Keluarga Malaysia akan mula dilaksanakan pada 19 Ogos ini, kata Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata pasukan khas itu dalam mesyuarat pada Khamis telah membincangkan dan memperincikan modus operandi serta menyelaraskan bagaimana ia dapat dilakukan oleh kesemua lima kementerian yang terlibat dengan program jualan itu.

Menurutnya Suruhanjaya Koperasi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dijangka dapat memulakan rollout penjualan produk-produk tertentu dengan harga lebih murah pada tarikh yang sama.

"Beberapa barangan telahpun dikenal pasti oleh Suruhanjaya Koperasi dalam pembentangan mereka termasuklah ayam, minyak, gula.

"Ada lima atau enam barangan yang mereka telah berikan indikasi harga kepada jawatankuasa (pasukan khas) dengan kesemua barangan itu telah dijamin akan dijual antara 10 ke 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran sekarang," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi di Bangunan Parlimen, di sini, pada Khamis.

Pada 21 Julai lepas, Annuar berkata program jualan itu yang memberi akses kepada rakyat mendapatkan barangan lebih murah setiap minggu, akan diadakan selama 18 minggu sehingga akhir tahun ini di 639 Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara.

Annuar berkata Suruhanjaya Koperasi yang membentangkan cadangan mereka dalam mesyuarat semalam memaklumkan kewujudan rangkaian koperasi seluruh negara serta kapasiti anggota gabungan koperasi yang akan turut terlibat sama dalam memproses, membungkus dan mengedarkan barangan tertentu.

Beliau berkata penglibatan dan langkah Suruhanjaya Koperasi dalam program itu memberi peluang kepada mereka mengimport barangan tertentu termasuk gula dan memberikan kebenaran kepada koperasi melakukan pembungkusan gula runcit yang ketika ini hanya diberikan kepada dua syarikat sahaja.

Annuar yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata pengimport gula pada masa ini hanya untuk kegunaan industri yang spesifik tetapi tidak boleh untuk dibungkus dan dijual secara runcit.

"Jadi ini kali pertama kita memberikan kebenaran kepada koperasi untuk terlibat dalam kegiatan membungkus dan seterusnya menggunakan *network* koperasi untuk menjual secara retail dengan syarat pada harga yang lebih murah daripada harga yang sedang dijual sekarang. Itu khusus bagi gula," katanya.